

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 15 December 2015 |

PM hadir majlis Anugerah Pelancongan Langkawi

BH - 15/12/2015

Langkawi: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dijadual hadir ke majlis Anugerah Pelancongan Langkawi (LITA) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC) di sini, Jumaat ini, sekali gus menyampaikan anugerah kepada pemenang.

Majlis anugerah kali kelima itu dijangka menampilkan beberapa kelainan termasuk memperkenalkan 11 kategori baharu, menjadikan keseluruhan 29 kategori dipertandingkan, berbanding 17 pada edisi tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Tan Sri Khalid Ramli, berkata majlis itu dijangka bermula jam 8.15 malam dan Perdana Menteri sudah mengesahkan ke-

hadirannya pada majlis yang dijangka dihadiri lebih 1,200 tetamu.

“LITA bertujuan memberi penganugerahan kepada penggiat industri pelancongan yang cemerlang membantu kerajaan dalam usaha melonjak nama pulau ini untuk terus gah di persada pelancongan dunia.

“Kami berbangga kerana jumlah pencalonan yang diterima meningkat kepada 179, berbanding 113 tahun lalu,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Pengarah Urusan The Westin Langkawi Resort & Spa dan The St Regis Resort Langkawi, Michael Schlueter.

Khalid berkata, lima fokus utama dipertandingkan merangkumi kemudahan penginapan dan geopark iaitu enam kategori, diikuti empat kategori restoran dan produk pelancongan serta sembilan kategori perkhidmatan.

Wujud persaingan sihat

“Pemenang akan menerima piala dan sijil disampaikan Perdana Menteri dan keadaan ini akan mewujudkan persaingan yang sihat antara penggiat industri pelancongan tempatan,”katanya.

Sementara itu, Khalid ketika diminta mengulas gambar resit bayaran makan tengah hari di sebuah restoran terapung di Sungai Kilim berjumlah RM1,131 yang dimuat turun melalui Facebook



Khalid (kiri) **meneliti buku aturcara LITA** yang akan diadakan Jumaat ini pada sidang media di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC) di Langkawi, semalam.
[FOTO HAMZAH OSMAN/BH]

sehingga menjadi ‘viral’ menggesa pengguna bijak memilih kedai, selain ‘ringan mulut’ bertanya harga ketika mengunjungi kedai makan atau restoran di pulau ini, bagi mengelak tertipu.

“Resit itu dimuat naik seorang pengguna Facebook dikenali Zuhairi Adnan dan disebar luas menerusi media sosial dengan pelbagai komen yang pro dan kontra,” katanya.